

07 JAN 2003

MAHATHIR-NAM/I

NAM BERPERANAN GALAKKAN KEMANUSIAAN DAN TATACARA DUNIA

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang merupakan majoriti di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), mempunyai peranan penting dalam mempromosikan kemanusiaan dan tatacara dunia.

Perdana Menteri berkata NAM bukan ketinggalan zaman, tetapi cabaran yang dihadapi adalah pelbagai dan besar dari segi skala dan skop.

Cabaran yang dihadapi termasuk pengurangan kemiskinan, risiko kepada alam sekitar, bahaya senjata nuklear, kimia dan biologi, dan ancaman dunia kepada kesihatan manusia.

Tidak kurang penting adalah bencana alam semulajadi, pelanggaran hak-hak kemanusiaan, jaminan asas kepada individu dan masalah dunia mengenai pengedaran dadah, katanya dalam mesej mengenai Forum Perniagaan NAM yang akan diadakan pada 23-24 Feb. depan.

Mesej beliau itu telah dimasukkan dalam kenyataan penganjur forum itu, Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI), di sini hari ini.

Perdana Menteri menyambut baik inisiatif ASLI dan Kementerian Luar Negari dalam menganjurkan Forum Perniagaan di samping Sidang Kemuncak Pepimpin NAM ke-13 yang akan diadakan pada 20-23 Feb depan, dan berharap para peserta akan mengadakan perbincangan yang membuahkan hasil.

Malaysia akan menjadi tuan tuan Sidang Kemuncak NAM ke-13 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, manakala Forum Perniagaan akan diadakan di Sunway Lagoon Resort Hotel.

Dr Mahathir berkata dengan cabaran yang dihadapi NAM, para negara anggota perlu bersatu dalam usaha-usaha untuk mempromosi pertumbuhan, pembangunan dan kesejahteraan bersama.

Ia menjadi semakin penting apabila keperluan untuk mengadakan sistem hubungan ekonomi global yang terbuka, berasaskan peraturan, adil, saksama, berorientasikan pembangunan dan tidak berat sebelah, menjadikan semakin besar bagi negara-negara membangun hari ini, katanya.

Beliau berkata dunia hari ini adalah amat berbeza daripada ketika persidangan Asia-Afrika diadakan di Bandung, Indonesia pada 1955, dan ketika NAM ditubuhkan.

Ketika itu, para pemimpin Dunia Ketiga berkongsi masalah yang sama, iaitu menangkis tekanan kuasa-kuasa besar, mengekalkan kemerdekaan masing-masing dan menentang penjajahan dan penjajahan baru, khususnya penguasaan barat.

Sejak itu, kata Dr Mahathir, perubahan besar itu telah membentuk semula tatacara dunia, mewujudkan peraturan-peraturan baru dalam perlakuan ekonomi dan menggaris semula sempadan kerjasama dan interaksi manusia.

Sementara itu, ASLI menyatakan dalam kenyataannya bahawa Forum Perniagaan NAM akan dianjurkan bersama dengan Wisma Putra dan Persatuan Selatan-Selatan Malaysia (MASSA) dengan hasrat untuk meningkatkan lagi kerjasama Selatan-Selatan.

Dr Mahathir dijangka menyampaikan ucapan utama di forum itu, dan diikuti oleh sesi khas para pemimpin NAM di mana beberapa ketua kerajaan telah dijemput memberi ucapan.

Forum yang akan dihidirikan oleh para delegasi dari 50 buah negara itu, akan turut menumpu kepada usaha meningkatkan daya saing serantau dan negara, strategi untuk mengekalkan prestasi pertumbuhan, mengurangkan jurang perdagangan dan digital, serta peranan NAM dalam perubahan persekitaran dunia. -- BERNAMA

MR FR JR